

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 15 FEBRUARI 2016 (ISNIN)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Ekspedisi ke Antartika kumpul 200 sampel kajian	Harian Metro
2	8 penyelidik ke Antartika kumpul lebih 200 sampel	Berita Harian
3	Penyelidik saintifik Antartika bawa pulang lebih 200 sampel	Utusan Malaysia
4	Penyelidik Malaysia bawa pulang 200 sampel dari Antartika	Kosmo
5	Penyelidik saintifik Antartika bawa pulang lebih 200 sampel	Bernamea.com
6	Eight researchers return from Antarctica	New Straits Times
7	Researchers in Antarctica expedition bring home more than 200 samples	Bernamea.com
8	Malaysia researchers' mission to Antarctica a success	The Star
9	Researchers return from Antarctica with samples	The Sun
10	Implan sten jantung	Utusan Malaysia

Ekspedisi ke Antartika kumpul 200 sampel kajian

Selangor: Usaha gigih lapan penyelidik Malaysia menjejakkan kaki ke Antartika menerusi Ekspedisi Penyelidikan Saintifik Malaysia ke Antartika 2016 memperoleh lebih 200 sampel yang akan direkodkan dalam kajian saintifik dijalankan mereka.

Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, antara sampel yang dikumpulkan seperti air, alga, sedimen, lumut, batuan, haiwan tidak bertulang belakang di dalam laut, debunga, tanah dan merekodkan bacaan gas rumah hijau dalam udara serta data geomagnetik.

Menurutnya, sampel berkenaan dianalisis di sana malah, ada dibawa pulang ke negara ini untuk dibuat kajian selanjutnya.

"Segala sampel dan bacaan direkodkan adalah untuk beberapa kajian saintifik berhubung kait dengan Antartika, biodiversiti dan perubahan iklim, selain



DR Abu Bakar (tengah) menyambut kumpulan penyelidik ekspedisi ke Antartika di KLIA, semalam.

penekanan kepada kajian gas rumah hijau dan lapisan ozon.

"Hasil kajian ini menyumbang kepada penjana-an ilmu dan pengetahuan baru yang membantu masyarakat tempatan dan global lebih memahami fenomena perubahan iklim," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyambut ketibaan lapan penyelidik Malaysia diketuai pensyarah Fakulti Kejuruteraan Elektrik Uni-

versiti Teknologi Mara (UiTM) Dr Mohamad Huzaimy Jusoh yang tiba ke tanah air jam 3 petang, semalam.

Sebelum ini, lapan penyelidik terbabit berlepas pada 18 Januari lalu dan melakukan pelayaran menggunakan kapal layar dikenali 'Yatch Australis'.

Ekspedisi berkenaan bermula dari Pelabuhan Ushuaia, Argentina dan perjalanannya ke Antartika dianggarkan 1,000 kilometer.

8 penyelidik ke Antartika kumpul lebih 200 sampel



Dr Mohamad Huzaimy (dua dari kiri) bersama tujuh penyelidik universiti tempatan yang menyertai Ekspedisi Penyelidikan Saintifik Malaysia ke Antartika 2016 ketika tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, semalam.

(FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH)

Sepang: Lebih 200 sampel berjaya dikumpulkan lapan penyelidik yang menyertai Ekspedisi Penyelidikan Malaysia ke Antartika 2016.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, berkata antara sampel yang dikumpul adalah air, alga, sedimen, lumut, batuan, haiwan tidak bertulang belakang dalam laut, debunga, tanah selain turut merekodkan bacaan gas rumah hijau dalam udara serta data geomagnetik.

Katanya, ada antara sampel berkenaan yang dianalisis di

Antartika dan ada juga yang dibawa balik ke makmal di Malaysia untuk analisis selanjutnya.

Kajian hidupan Antartika

"Sampel dan bacaan yang direkodkan adalah untuk beberapa kajian saintifik yang dijalankan penyelidik berkenaan khususnya berkaitan hubung kait hidupan dengan Antartika, biodiversiti dan perubahan iklim serta kajian gas rumah hijau dan lapisan ozon.

"Hasil kajian ini akan dapat menyumbang kepada penja-

naan ilmu dan pengetahuan baharu yang boleh membantu masyarakat tempatan dan global untuk memahami fenomena perubahan iklim kerana wilayah polar (kutub) seperti Antartika adalah kawasan paling sesuai untuk kajian kerana kadar pemanasan di situ lebih tinggi berbanding kawasan lain," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Terdahulu, beliau menyambut ketibaan lapan penyelidik yang menyertai ekspedisi selama 22 hari bermula 18 Januari lalu yang diketuai Dr Mohamad Huzaimy Jusoh dari

Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Lapan penyelidik berkenaan mewakili UiTM, Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Perubatan Antarabangsa.

Ekspedisi berkenaan diselenggarakan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi melalui agensinya Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM).

Pembentangan di SCAR

Abu Bakar berkata, penemuan daripada penyelidikan kumpulan penyelidik itu juga akan dibentangkan pada Persidangan Sains Jawatankuasa Saintifik Penyelidikan Antartika (SCAR) 2016, Ogos ini.

Sementara itu, Mohamad Huzaimy berkata, ketika di Antartika mereka sempat singah di Stesen Penyelidikan King Sejong milik Korea Selatan yang terletak di King George Island.

"Antara tapak persampelan sepanjang ekspedisi ini ialah Greenwich Island, Deception Island, Darboux Island, Danco Coast, Paradise Bay, Enterprise Island dan Trinity Island," katanya.

Katanya, antara cabaran yang dihadapi peserta ekspedisi berkenaan termasuk terpaksa membuat pusingan balik selepas berlepas dari pelabuhan Ushuaia di Argentina akibat cuaca buruk dan angin kencang dengan kelajuan sehingga 80 kilometer sejam (km/j).

"Selain itu, ombak besar setinggi enam meter terpaksa ditempuhi sehingga membuatkan kami hanya mampu baring saja dalam kapal layar itu yang hanya mampu bergerak dengan kelajuan 20 km/j akibat cuaca buruk," katanya.

